

PELANCONGAN GUNUNG: KONSEPTUAL, SEGMENTASI, ISU DAN POTENSI PENYELIDIKAN DI MALAYSIA

*(Mountain Tourism: Conceptual, Segmentation, Issues And Potential
Of Research In Malaysia)*

Arnold Samih¹ & Jabil Mapjabil²

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

² Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah

rnold_gonod@yahoo.com

Abstrak: Kawasan pergunungan menjadi destinasi pelancongan kedua popular selepas pantai dan pulau. Pelbagai aktiviti dan produk pelancongan ditawarkan bagi memenuhi kepelbagaian minat dan permintaan pelancong di kawasan pergunungan. Pelancongan gunung merupakan salah satu segmen pelancongan alternatif minat khas yang popular dan mempunyai kelompok pengkaji dan pengamalnya sendiri. Kajian berkaitan pelancongan gunung telah banyak dilakukan di peringkat antarabangsa. Namun di Malaysia, istilah pelancongan gunung dalam kajian berkaitan masih terlalu asing digunakan oleh mana-mana penyelidik tempatan. Oleh itu, artikel ini meneliti tentang aspek konseptual, segmentasi, isu dan potensi penyelidikan pelancongan gunung di Malaysia. Selain itu, model pembangunan pelancongan dan kaitannya dengan pelancongan gunung turut dihuraikan. Aktiviti dan produk pelancongan di kawasan pergunungan serta pola dan lokasi pelancongan gunung di Malaysia juga dibincangkan secara ringkas. Perbincangan ini penting kerana konsep pelancongan gunung masih terlalu asing dalam konteks pembangunan dan penyelidikannya di Malaysia. Artikel ini menggunakan kaedah tinjauan bahan literatur secara sistematik iaitu maklumat dan data penyelidikan sedia ada dikaji, dinilai dan dirumuskan dengan teratur. Diharapkan artikel ini dapat meningkatkan lagi pemahaman tentang ruang lingkup pelancongan gunung seterusnya menjadi asas dan rujukan berguna untuk kajian lanjut tentang pelbagai isu berkaitan pelancongan gunung di Malaysia.

Kata kunci: *Pelancongan gunung, konseptual, segmentasi, isu, potensi*

Abstract: *After beaches and islands, mountains are the second most popular tourism destination. Variety of tourism products and activities are offered to attain the diversity of interest and demands of tourists. Mountain tourism is considered one of the popular alternative tourism. Internationally, countless researches pertaining mountain tourism have been conducted but not in Malaysia where the term is still relatively new to the local researches. Hence, this article looks into mountain tourism in the aspects of conceptual, segmentation, issues and the potential of its research. Tourism development module and its relation to mountain tourism is also discussed since this particular concept, as mentioned is rather unheard of in Malaysian context. This article uses literature survey approach i.e. obtained data and information which are analysed and concluded systematically. It is hope that, this article can serves as a foundation and useful reference for further researches pertaining issues of mountain tourism in Malaysia.*

Keywords: *Mountain Tourism, conceptual, segmentation, issue, potential*

2020 JGBSE

PENGENALAN

Kawasan pergunungan secara fizikalnya adalah unik jika dibandingkan dengan destinasi pelancongan yang lain. Keunikan kawasan pergunungan biasanya dikaitkan dengan lokasinya yang terletak di kawasan pedalaman yang kaya dengan persekitaran semula jadi yang sangat menakjubkan (Curto, 2006). Menurut UNEP (2007), kawasan pergunungan merupakan destinasi pelancongan kedua popular selepas pantai dan kepulauan dengan menjana sehingga 20 peratus daripada jumlah pendapatan pelancongan global tahunan atau US\$70-90 bilion setahun. Malaysia berpotensi besar untuk membangunkan pelancongan gunung di peringkat antarabangsa kerana mempunyai bentuk muka bumi bergunung-ganang yang menarik, kepelbagaian spesies flora dan fauna endemik serta komuniti tempatan yang kaya dengan nilai-nilai budaya setempat (Chan et al., 2013) di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Hal ini sejajar dengan usaha Malaysia yang sedang giat dalam mempelbagaikan lagi produk pelancongan berkualiti bagi merangsang permintaan pelancongan di peringkat antarabangsa dan domestik.

TAKRIF DAN KONSEPTUAL

Pelancongan dan Pelancong


Pelancongan mempunyai makna yang pluralistik dan kebanyakan sarjana berhadapan dengan masalah dengan banyaknya makna dan konsep pelancongan (Hall & Page, 1999). Oleh itu, tiada definisi standard pelancongan yang boleh dijadikan rujukan yang tepat oleh mana-mana penyelidik (Khairil et al., 2009). Bagaimanapun Goeldner dan McIntosh (2006) mentakrifkan pelancongan sebagai satu sains, seni dan urusan berkaitan dengan pelawat, menyediakan kemudahan pengangkutan dan penginapan, seterusnya melayan keperluan dan kehendak mereka. Ia melibatkan pergerakan sementara manusia yang bergerak secara solo atau berkumpulan dari satu tempat

mastautin ke suatu tempat atau destinasi lain untuk pelbagai tujuan yang boleh memenuhi keperluan mereka dan biasanya akan kembali ke tempat mastautin asalnya (Jabil, 2014; Abdul Aziz, 2015).

Manakala pelancong pula merupakan seseorang yang meninggalkan rumah kediamannya untuk pergi ke sesuatu tempat dengan tujuan bercuti atau melancong (Mohd Al Hafiz, 2013). Mereka bermusafir ke sesuatu tempat dengan tujuan tertentu dan tidak berniat untuk berhijrah atau berkerja di tempat tersebut (Hashim, 2003). Sementara itu WTO (1981) telah mengklasifikasikan pelancong kepada dua kategori iaitu pelancong domestik dan pelancong antarabangsa. Pelancong domestik ialah seseorang yang meninggalkan tempat kediamannya buat sementara waktu dalam negaranya dalam tempoh tidak kurang 24 jam. Manakala pelancong antarabangsa menetap sekurang-kurangnya 24 jam tetapi tidak melebihi satu tahun di sesebuah negara selain negara asalnya untuk tujuan bercuti dan pelbagai urusan lain. Berdasarkan klasifikasi tersebut, pelancongan bukan hanya melibatkan kemasukan pelancong dari luar negara tetapi turut melibatkan pelancong tempatan yang bermalam di destinasi pelancongan dalam negara.

Gunung dan Kawasan Pergunungan

Kawasan pergunungan adalah komponen asas kepada kehidupan ekosistem global dan membekalkan pelbagai aktiviti ekonomi yang penting seperti pembalakan, perhutanan, pertanian, sumber tenaga, sumber mineral dan kawasan rekreasi (Lee, 2007) serta sumber sistem sungai yang utama di dunia (Ives, 1997). Fairbridge (1968) menganggarkan bahawa sekitar 36% daripada tanah di permukaan bumi merupakan kawasan pergunungan, tanah tinggi dan bukit. Manakala Keller (2014) pula menganggarkan kira-kira 24 peratus daripada keseluruhan permukaan dataran bumi merupakan kawasan pergunungan yang meliputi setiap benua, terdapat di 139 buah negara dan dalam semua jenis ekosistem utama dunia dari kawasan gurun panas, hutan tropika sehinggalah ke kawasan yang diliputi ais. Rajah 1 menunjukkan kawasan pergunungan utama di dunia.



Rajah 1 Kawasan pergunungan utama di dunia

Sumber: Maps 2019 (2019).

Majoriti kawasan pergunungan mempunyai satu kesamaan ciri-ciri utama yang unik iaitu perubahan drastik iklim, jenis tumbuhan dan tanah pada setiap ketinggian dalam jarak yang sangat dekat (UNEP, 2007). Keadaan ini membawa kepada perbezaan dramatik terhadap habitat dan kepelbagaian biodiversiti yang tinggi. Oleh kerana kepelbagaian ini, sukar untuk membangunkan definisi standard gunung. Istilah ‘gunung’ biasanya dikenali dan difahami sebagai kawasan daratan yang tinggi dengan populasi yang jarang serta sifat persekitarannya yang terpelihara (Pantic, 2015). Walau bagaimanapun, tiada definisi standard gunung kerana ada kalanya ia bersifat individu dan sangat subjektif seperti yang diungkapkan oleh Peattie (1936: 4);

“Gunung adalah gunung kerana sebahagiannya dimainkan dalam imaginasi yang popular. Ia mungkin tidak lebih tinggi daripada bukit tetapi jika ia mempunyai keperibadian yang berbeza atau memainkan peranan simbolik yang lebih atau kurang kepada rakyat, ia mungkin dikatakan sebagai gunung oleh mereka yang tinggal di sekitarnya.”

Kaedah yang lazim digunakan bagi mendefinisikan gunung adalah berdasarkan ketinggian minimum dari paras laut (Pantic, 2015). Kebanyakan negara di benua Eropah mempunyai definisi undang-undang gunung yang tersendiri. Contohnya, Ireland menetapkan kawasan pergunungannya pada garis kontur 200 meter dari paras laut. Manakala, Great Britain menganggap gunung sebagai daratan yang berketinggian melebihi 610 meter dari paras laut (Wilson, 2001). UNEP (2007) pula sekadar mentakrifkan gunung sebagai bentuk muka bumi yang berketinggian lebih daripada 300 meter dari paras laut. Di Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2009) mentakrifkan gunung sebagai tanah yang mempunyai kedudukan melebihi 1,000 meter dari paras muka laut. Secara umum, kawasan pergunungan ialah bentuk muka bumi yang berketinggian lebih 300 meter dari paras

laut yang meliputi keluasan 34 juta kilometer persegi atau kira-kira 23 peratus daripada keseluruhan permukaan daratan bumi (Funnell & Parish, 2005).

Pelancongan Gunung

Pelancongan gunung adalah suatu aktiviti pelancongan yang berlaku dalam satu definisi dan ruang geografi yang terhad iaitu di kawasan pergunungan dengan beberapa ciri dan sifat tersendiri seperti landskap, topografi, iklim, biodiversiti (flora dan fauna) dan komuniti setempat (WTO, 2013). Hamimah et al. (2014) menjelaskan pelancongan gunung adalah lawatan atau melakukan percutian di kawasan pergunungan. Ia biasanya dikaitkan dengan apa sahaja aktiviti pelancongan yang berlaku di kawasan pergunungan (Godde et al., 2000). Nepal dan Chipeniuk (2005) berpendapat bahawa definisi pelancongan gunung perlu diperluaskan dengan mengaitkan pembangunan pelancongan, rekreasi dan pembangunan kemudahan infrastruktur di kawasan pergunungan. Berdasarkan perbincangan tadi, pelancongan gunung melibatkan perjalanan seseorang ataupun sekumpulan individu keluar daripada rumah atau kawasan tempat tinggal untuk masa yang singkat tetapi tidak kurang daripada 24 jam ke kawasan pergunungan atas pelbagai tujuan dan niat.


PELANCONGAN GUNUNG DAN KAITANNYA DENGAN MODEL PERINGKAT DAN TAHAP PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Carter dan Stronza (2014) mengemukakan model peringkat pembangunan pelancongan yang diubah suai daripada model Butler (1980) iaitu evolusi kitaran hidup di kawasan pelancongan yang meneliti perkembangan pembangunan pelancongan di sesuatu kawasan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Menurut Butler (1980), perkembangan sesebuah destinasi pelancongan berlaku secara evolusi dari permulaan dan melalui beberapa peringkat sehingga akhir mengikut bilangan pelancong dan masa. Butler telah membahagikan enam tahap perkembangan pembangunan pelancongan di kawasan destinasi pelancongan, iaitu (i) tahap penerokaan (*exploration*), (ii) tahap penglibatan (*involvement*), (iii) tahap pembangunan (*development*), (iv) tahap kestabilan (*consolidation*), (v) tahap tepu (*stagnation*) dan (vi) tahap penurunan atau peremajaan (*decline/rejuvenation*).

Berdasarkan model tersebut, ubah suai telah dilakukan dengan menambah dua tahap awal berbanding enam tahap yang dikemukakan oleh Butler (1980). Carter dan Stronza (2014) berpendapat ada dua tahap sebelum penerokaan iaitu absence of tourism dan ketibaan pelancong yang terawal (*arrival of early tourist*). Sumbangan model ini ialah wujud garisan pemisah antara tahap pembangunan pelancongan bagi negara maju dan negara sedang membangun termasuk negara mundur. Di kebanyakan negara maju, tahap pembangunan pelancongan bermula selepas fasa penglibatan. Manakala bagi negara membangun dan mundur, fasa bermula sejak peringkat *absence of tourism* lagi.

Dalam konteks pelancongan gunung, pelancongan alternatif minat khas ini sudah lama berkembang dan popular di negara Barat sama ada dalam aspek pembangunan mahupun penyelidikan. Namun, berdasarkan tinjauan literatur oleh penyelidik, pelancongan gunung masih baharu dan berada pada tahap awal

di Malaysia. Oleh itu, model peringkat dan tahap pembangunan pelancongan yang dikemukakan oleh Carter dan Stronza (2014) ini adalah relevan dan signifikan sebagai asas teori penyelidikan yang berkaitan dengan pelancongan gunung di negara ini.



Rajah 2 Peringkat dan Tahap Pembangunan Pelancongan

Sumber: Carter dan Stronza (2014).

AKTIVITI DAN PRODUK PELANCONGAN DI KAWASAN PERGUNUNGAN

Pelancong tertarik dengan destinasi pergunungan atas pelbagai sebab seperti cuaca, udara yang segar, landskap dan hidupan liar yang unik, pemandangan yang indah, budaya tempatan, warisan sejarah, ketersediaan aktiviti dan sukan berasaskan salji dan alam semula jadi. Di sesetengah negara pergunungan khususnya di Nepal dan Switzerland, pelancongan gunung adalah bentuk pelancongan alternatif yang popular dan telah dibangunkan sejak dahulu lagi. Dalam erti kata yang luas, pelancongan di kawasan pergunungan merangkumi himpunan semua aktiviti dan produk pelancongan yang berlaku di persekitaran gunung yang saling berkaitan antara manusia dan alam semula jadi (Slusariuc & Bica, 2015). Aktiviti pelancongan di kawasan pergunungan dicirikan oleh pelbagai sumber pelancongan yang kompleks yang secara langsung berkaitan dengan pelbagai aktiviti lain dalam kawasan tersebut. Kawasan pergunungan menyediakan pelbagai aktiviti pelancongan seperti memburu, memancing, aktiviti berkaitan penyelidikan saintifik, lawatan dan ekspedisi khas, pengembaraan, pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi, melihat kekayaan budaya tempatan, mendaki gunung, kembara hutan, memerhati tumbuhan dan hidupan liar, menikmati pemandangan alam semula jadi dan sebagainya.

POLA DAN LOKASI PELANCONGAN GUNUNG DI MALAYSIA

Kawasan pergunungan sentiasa menarik kedatangan pengunjung - dari penghijrah, penjelajah dan pengembara sejak zaman silam sehinggalah kepada pelancong moden (Nepal, 2011). Lokasinya yang terletak di kawasan pedalaman dengan persekitaran semula jadi yang unik menjadi faktor utama kawasan pergunungan sebagai destinasi pelancongan utama pada masa ini. Di Malaysia, berpandukan takrifan gunung oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2009), didapati terdapat beberapa kawasan pergunungan yang telah pun menjadi destinasi pelancongan gunung terkemuka di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Banjaran gunung dan lokasi utama aktiviti pelancongan gunung di Malaysia

Kawasan	Lokasi utama aktiviti pelancongan gunung
Zon utara Semenanjung Malaysia	Gunung Mat Chincang Gunung Jerai Bukit Bendera Bukit Larut
Zon tengah Semenanjung Malaysia	Cameron Highlands Bukit Fraser Bukit Tinggi Genting Highlands
Zon Malaysia Timur	Gunung Mulu (Taman Negara Mulu) Gunung Kinabalu (Taman Negara Kinabalu) Gunung Trusmadi (Banjaran Trusmadi)

Sumber: Diubah suai daripada Jabil dan Mohd. Khairuddin (2010).

Dengan wujudnya bentuk muka bumi yang unik dan bergunung-ganang di kawasan pedalaman, Malaysia mempunyai potensi besar untuk membangunkan pelancongan gunung yang terkemuka di peringkat antarabangsa. Tambahan pula, jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Pada tahun 2018 misalnya, Malaysia mencatatkan kedatangan seramai 25.83 juta orang pelancong asing dengan hasil pendapatan sebanyak RM84.13 bilion (Tourism Malaysia, 2019). Malahan, Pertubuhan Pelancongan Dunia (WTO) mengiktiraf Malaysia sebagai negara ke-12 paling ramai dikunjungi pelancong dari seluruh dunia pada tahun 2016.

SEGMENTASI DAN PROFIL PELANCONGAN GUNUNG

Berdasarkan penelitian kajian lepas, didapati segmentasi khusus untuk pelancongan gunung tidak begitu jelas. Disebabkan terdapat persamaan yang rapat antara pelancongan gunung dan pelancongan luar bandar, Zbuche dan Radu (2009) mengaitkan segmentasi pelancongan luar bandar dengan pelancongan gunung kerana sebahagian daripada pelancongan luar bandar berkembang berdekatan dengan atau bahkan ke kawasan pergunungan. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan segmentasi

pelancongan gunung dari tiga aspek utama, iaitu (i) pengusaha penginapan dan perkhidmatan berkaitan yang menawarkan perkhidmatan kepada pelancong di kawasan pergunungan; (ii) profil pelancong gunung yang melancong di kawasan pergunungan dan (iii) tarikan pelancongan di kawasan pergunungan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu aktiviti pelancongan di kawasan kaki gunung dan altitud tinggi.

Pengusaha Penginapan dan Perkhidmatan Berkaitan

Segmentasi ini menekankan perspektif pengusaha penginapan dan perkhidmatan berkaitan yang ditawarkan kepada pelancong di kawasan pergunungan, iaitu elemen geografi, demografi dan peri laku. Elemen geografi kawasan pergunungan adalah penting dalam pelancongan gunung kerana ia melibatkan aspek ruang, lokasi, jarak dan masa. Pelancong tidak sekadar melihat keindahan landskap pergunungan tetapi ingin turut “mengalami” dan “menyertai” keindahan tersebut. Oleh itu, pengusaha penginapan dan perkhidmatan berkaitan perlu mengambil kira keunikan geografi sesebuah lokasi. Sebagai contoh, pelancong yang mahu mendaki ke puncak Gunung Kinabalu cenderung untuk memilih penginapan yang paling hampir dengan pintu masuk utama Taman Negara Kinabalu. Bagi memenuhi keperluan pendaki, kebanyakan pengusaha penginapan di Kundasang membangunkan tempat penginapan tertumpu di sepanjang jalan raya utama pekan Kundasang-Taman Negara Kinabalu. Manakala pelancong yang tidak mendaki pula, biasanya akan memilih untuk menginap berhampiran pekan Kundasang atau penginapan di kawasan perkampungan seperti Kampung Mesilau dan Kampung Cinta Mata.

Elemen demografi ialah profil pengusaha penginapan dan perkhidmatan pelancongan gunung. Antara aspek demografi yang lazim ialah jantina, umur, bangsa, pendapatan dan latar belakang pendidikan. Selain itu, terdapat beberapa ciri dan rekod pelancongan gunung yang perlu diperolehi daripada pengusaha penginapan dan perkhidmatan itu sendiri. Hal ini kerana dalam pelancongan gunung, “tempat menginap” selama berada di kawasan pergunungan dapat memberikan maklumat jenis pelancong dan tujuan mereka melancong di kawasan pergunungan. Antara ciri tambahan yang perlu diteliti ialah pemilikan penginapan, jenis penginapan dan perkhidmatan, kemudahan yang disediakan, jenis tempahan dan pakej ditawarkan dan kaedah mempromosikan penginapan serta perkhidmatan yang disediakan.

Peri laku pula merujuk kepada pemilikan penginapan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan di kawasan pergunungan. Secara umumnya, penginapan di kawasan pergunungan dimiliki oleh syarikat atau agensi yang biasanya menyediakan pakej pelancongan dan perkhidmatan lain seperti spa dan sebagainya. Di samping itu, terdapat pengusaha penginapan persendirian milik komuniti tempatan yang menawarkan tempat penginapan kepada pelancong sebagai sumber pendapatan sampingan yang lumayan. Pengusaha persendirian biasanya menyediakan penginapan berdekatan atau dalam kawasan tempat tinggal mereka sendiri. Oleh itu, wujud beberapa peri laku yang berbeza dalam konteks penawaran perkhidmatan dari segi jenis penginapan, harga, lokasi penginapan serta pakej yang disediakan.

Profil Pelancong Gunung

Anvarez dan Asugman (2006) menegaskan terdapat dua jenis pelancong iaitu pelancong *spontaneous explorers* dan *risk-averse planners* berdasarkan sikap dan tingkah laku mereka. Pelancong *spontaneous explorers* kebanyakannya terdiri daripada golongan lelaki, kurang mengambil berat tentang risiko dan spontan dalam merancang perjalanan. Golongan pelancong ini tidak gemar pelancongan berbentuk pakej dan kerap kembali semula ke destinasi pilihan mereka. Golongan pelancong *risk-averse planners* pula lebih berhati-hati, mengelak pelbagai risiko dan merancang perjalanan mereka dengan teliti. Golongan ini lebih cenderung memilih pelancongan berbentuk pakej dengan kemudahan bertaraf lima bintang.

Berdasarkan dua jenis pelancong tersebut, profil pelancong gunung adalah penting untuk direkod dan didokumentasikan untuk tujuan pemasaran pelancongan gunung. Profil pelancong gunung dibahagikan kepada dua kategori iaitu profil am dan profil khas. Profil am melibatkan ciri jantina, umur, latar belakang pendidikan dan pekerjaan, sumber maklumat tentang pengusaha penginapan dan pakej yang ditempah, kumpulan pelancong (bersendirian, berkumpulan, bersama keluarga, rakan karib dan seumpamanya), bilangan hari melancong dan motif utama melancong di kawasan pergunungan. Manakala profil khas pula ada kaitan khusus dengan elemen pergunungan itu sendiri seperti jenis aktiviti di pergunungan, jenis peralatan yang digunakan (peralatan mendaki, pakaian dan sebagainya) dan jumlah keseluruhan kos yang dibelanjakan terhadap aktiviti melancong di kawasan pergunungan dalam setahun.

Tarikan Pelancongan Gunung

Tarikan pelancongan di kawasan pergunungan terbahagi kepada dua iaitu kawasan kaki gunung dan altitud tinggi. Kawasan kaki gunung menyediakan pelbagai aktiviti pelancongan yang popular seperti memburu, memancing, kembara hutan, lawatan dan ekspedisi khas, pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi, paragliding (luncur udara), melihat kekayaan budaya tempatan, memerhati tumbuhan dan hidupan liar, menikmati pemandangan alam semula jadi dan sebagainya. Kebanyakan pelancong biasanya hanya meluangkan masa di kawasan kaki gunung. Manakala di kawasan altitud tinggi pula aktiviti pelancongan lebih mencabar kerana melibatkan kekuatan fizikal, mental, kos yang tinggi dan masa yang lebih panjang. Aktiviti pelancongan di kawasan altitud tinggi adalah seperti mendaki melalui *via ferrata* (laluhan besi dalam bahasa Itali) dan mendaki ke puncak gunung untuk menikmati pemandangan persekitaran dari puncak tertinggi. Sebagai rekod, laluhan *via ferrata* tertinggi di dunia terletak di Gunung Kinabalu, Malaysia yang bermula pada ketinggian 3,400 meter dan berakhir pada ketinggian 3,800 meter dari paras laut.

ISU DAN POTENSI PENYELIDIKAN DI MALAYSIA

Dalam beberapa literatur di peringkat antarabangsa, banyak kajian berkaitan pelancongan gunung telah dilakukan, antaranya oleh Pickering dan Hill (2007), Fredman (2008) dan Richins dan Hull (2016). Bagaimanapun, di Malaysia, pembangunan dan penyelidikan tentang pelancongan gunung masih dianggap baharu

dan mula mendapat perhatian sejak sedekad yang lalu. Biasanya aktiviti pelancongan di kawasan pergunungan seperti mendaki, kembara dan pelbagai aktiviti rekreasi dikaitkan dengan pelancongan luar bandar, ekopelancongan dan pelancongan tanah tinggi. Penggunaan istilah pelancongan gunung masih terlalu asing digunakan oleh sarjana tempatan dalam mana-mana kajian sebelumnya. Selain itu, kebanyakan sarjana tempatan menggunakan istilah pelancongan tanah tinggi dalam kajian mereka walaupun lokasi kajian mereka terletak di kawasan pergunungan sepertimana kajian yang telah dilakukan oleh Jabil dan Mohd. Khairuddin (2010), Toh et al. (2012), Chan Ngai Weng et al. (2013), Hanifah (2014) dan Wan Suzita et al. (2016).

Sehubungan itu, bukan sahaja tidak terdapat kajian yang khusus tentang konsep asas dalam pelancongan gunung, kerangka konseptual dan model yang mengaitkan saling hubungan aktiviti pelancongan gunung dengan industri pelancongan, malah bahan literatur dan kajian kes berkaitan yang diterbitkan di negara ini masih terlalu kurang dan terhad. Setakat penelitian menyelidik, hanya terdapat beberapa kajian dan penulisan secara ilmiah yang membincangkan atau memasukkan definisi pelancongan gunung di Malaysia, antaranya; artikel yang ditulis oleh Hamimah et al. (2014) dari Universiti Malaysia Sabah bertajuk “*Sustaining tourist satisfaction on Mount Kinabalu, Sabah*” yang diterbitkan dalam *SHS Web of Conferences* (Vol. 12).

Di samping itu, masih banyak kawasan pergunungan yang belum diterokai dan dimanfaatkan sepenuhnya sebagai produk utama pelancongan berbanding dengan produk pelancongan di kawasan pinggir pantai, laut dan pulau. Malahan, penganjuran acara tahunan kejohanan *Mount Kinabalu International Climbathon* (MKIC) sejak kali pertama pada tahun 1987 yang telah melonjakkan ikon pelancongan gunung di Malaysia telah pun dihentikan pada tahun 2018 (MKIC Official Website, 2018). Sebagai rekod kejohanan MKIC di Taman Negara Kinabalu dipilih sebagai salah satu daripada lokasi kejohanan *Skyrunner World Series*, iaitu acara sukan larian gunung terunggul di dunia. Kejohanan MKIC merupakan satu-satunya acara *skyrunning* yang berlangsung di luar benua eropah (Kler, 2014).

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa bahan literatur lepas menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara berpotensi untuk pembangunan pelancongan gunung berdasarkan bentuk muka buminya yang bergunung ganang dan menarik tetapi tidak memiliki penerbitan yang mencukupi dalam bidang berkenaan. Selaras dengan model peringkat dan tahap pembangunan pelancongan yang dikemukakan oleh Carter dan Stronza (2014), terdapat keperluan untuk mengemukakan kerangka konseptual dalam konteks pelancongan gunung dan pelancong gunung di Malaysia. Penggunaan istilah pelancongan gunung juga perlu diperkasakan memandangkan kawasan pergunungan menjadi salah satu tarikan dan destinasi pelancong utama di negara ini.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pelancongan gunung adalah salah satu tarikan pelancong minat khas yang utama di Malaysia. Dalam konteks kajian pelancongan di Malaysia, isu berkaitan pembangunan kawasan tanah tinggi dalam bidang pelancongan telah pun banyak dikaji. Namun, melalui tinjauan kajian lepas melalui pelbagai medium, istilah pelancongan gunung masih terlalu asing digunakan oleh sarjana tempatan di Malaysia.

Keberkesanan penyampaian informasi pelancongan gunung di Malaysia perlu dipertingkatkan sejajar dengan usaha kerajaan yang sedang giat dalam mempelbagaikan lagi produk pelancongan berkualiti di negara ini. Oleh itu, potensi penyelidikan pelancongan gunung masih terbuka luas dalam pelbagai segmen pelancongan di kawasan pergunungan. Tuntasnya, penjelasan konsep pelancongan gunung dalam kertas kerja ini adalah relevan dan signifikan serta boleh dijadikan rujukan berguna kepada pihak yang ingin membuat penyelidikan pelancongan di kawasan pergunungan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Alvarez, M., & Asugman, G. (2006). Explorers versus planners. A study of Turkish tourists. *Annals of Tourism Research*, 33(2), 319-338.
- Butler, R. W. (1980). The concept of tourism area cycle of evolution: Implications for management of resources. *Canadian Geographer*, 24, 5-12.
- Carter, A. H., & Stronza, A. (2014). Stage - based tourism model and resident and attitudes towards tourism in an emerging destination in the developing world. *Journal of Sustainable Tourism*, 33(2), 279-298.
- Chan Ngai Weng, Asyirah Abdul Rahim, Narimah Samat & Jamaluddin Md. Jahi (2013). Masalah pembangunan tanah tinggi dan pengurusannya di Malaysia. *Kertas Konferen: Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran di Alam Melayu, Pekanbaru*, 1, 1-20.
- Curto, J. (2006). *Resident Perceptions of Tourism in a Rapidly Growing Mountain Tourism Destination*. Master thesis (Unpublished). Canada: University of Waterloo.
- Fairbridge, R. W. (1968). *The Encyclopedia of Geomorphology*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Fredman, P. (2008) Determinants of visitor expenditures in mountain tourism. *Tourism Economics*, 14(2), 297-311.
- Funnell, D., & Parish, R. (2005). *Mountain Environments and Communities*. London & New York: Routledge.
- Godde, P. M., Price, M. F., & Zimmermann, F. M. (2000). *Tourism and Development in Mountain Regions*. United Kingdom: CABI Publishing.
- Goeldner, C. R., & McIntosh, J. R. B. (2006). *Tourism: Principles, Practices, Philosophies. (10th ed.)*. Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Hall, C. M., & Page, S. J. (1999). *The Geography of Tourism and Recreation: Environment, Place and Space*. London: Routledge.
- Hamimah Talib, Jennifer Chan Kim Lian & Timothy Ajeng Mereng (2014). *Sustaining tourist satisfaction on Mount Kinabalu, Sabah. SHS Web of Conferences*, 12, 1-7.
- Hanifah Abd Talib (2014). Potensi Cameron Highlands sebagai destinasi ekopelancongan. *Hutan Pergunungan Cameron Highlands: Pengurusan, Persekitaran Fizikal dan Kepelbagaian Biologi*, 17-22.
- Hashim Ibn Muhammad Ibn Hussain Naqud (2003). *Ahkam Al-Siyahah wa Atharuha*. Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jauziyah.
- Ives, J. D. (1997). Comparative inequalities - mountain communities and mountain families. In Messerli, B., & Ives, J. D. (ed.) *Mountains of the World: A Global Priority*. London & New York: Parthenon Publishing Group.

- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2009). *Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi*. Malaysia: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Jabil Mapjabil & Mohd. Khairuddin Mohad Sallehuddin (2010). Pelancongan tanah tinggi di Malaysia: Potensi dan prospek. Dalam Yazed Salleh, Fauziah Ceh Leh, Mazdi Marzuki (ed.). *Isu-isu Semasa Alam Sekitar di Malaysia*. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jabil Mapjabil (2014). *Pelancongan Sukan: Konsep dan Kajian Kes*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM.
- Keller, P. (2014). Mountainlikers: New trends of mountain tourism for the summer season. *8th World Congress on Snow and Mountain Tourism. Andorra-la-Vella, Principality of Andorra*, 9-10 April 2014.
- Khairil Wahidin Awang, Wan Melissa Wan Hassan & Mohd Salehuddin Mohd Zahari (2009). Tourism development: A geographical perspective. *Asian Social Science*, 5(5), 67-76.
- Kler, B. K. (2014). Profil dan peranan pemegang taruh dalam kejayaan penganjuran Mount Kinabalu International Climbathon. Dalam Jabil Mapjabil (ed.). *Pelancongan Sukan: Konsep dan Kajian Kes*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHAM.
- Lee Boon Hiong (2007). *Pembangunan Ekopelancongan di Cameron Highlands: Satu Kajian Kes*. Tesis Ijazah Sarjana. (Tidak diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Maps 2019 (2019). Concrete World Map Showing Mountains Physical Map Mountain Ranges Map of the Mountains Major World Mountain Ranges Map Of World With Mountains. Diakses pada 20 September 2019 dari <https://estaminet-de-lorette.com/wpcontent/uploads/2019/06/3c130f86bbabb18aec1445d3046dfd3f.jpg>
- MKIC Official Website (2018). Special Announcement. Diakses pada 20 September 2019 dari <https://www.climbathon.my/>
- Mohd Al Hafiz Bin Adnan (2013). *Dasar dan Strategi Pembangunan Pelancongan di Langkawi: Analisis Menurut Perspektif Ekonomi Islam*. Tesis Ijazah Sarjana. (Tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nepal, S. K. (2011). Mountain tourism and climate change: Implications for the Nepal Himalaya. *Nepal Tourism and Development Review*, 1(1), 1-13.
- Nepal, S., & Chipeniuk, R. (2005). Mountain tourism: Towards a conceptual framework. *Tourism Geographies*, 7(3), 313-333.
- Pantic, M. (2015). Delineation of mountains and mountain areas in Europe - A planning approach. *Journal of the Geographical Institute "Jovan Cvijić" SASA*, 65(1), 43-58.
- Peattie, R. (1936). *Mountain Geography: A Critique and Field Study*. Cambridge: Harvard University Press.
- Pickering, C.M., & Hill, W. (2007). Impacts of recreation and tourism on plant biodiversity and vegetation in protected areas in Australia. *Journal of Environmental Management*, 85(4), 791-800.
- Richins, H., & Hull, J. S. (2016). *Mountain Tourism: Experiences, Communities, Environments and Sustainable Futures*. Boston: CABI Publishing.
- Slusariuc, G. C., & Bica, M. P. (2015). Mountain tourism-pleasure and necessity. *ECOFORUM*, 4, 2(7), 119-126.

- Toh Pei Sung, Awangku Hassanah Bahar Pengiran Bagul, Justin Sentian & Ramzah Dambul (2012). Developing and promoting a highland community livelihood for sustainable tourism: The case of Kg. Bundutuhan, Ranau, Sabah. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 8(5), 94-99.
- Tourism Malaysia (2019). Malaysia Tourism Statistics in Brief. Diakses pada 20 Februari 2019 dari <https://www.tourism.gov.my/statistics>
- UNEP (2007). *Tourism and Mountains: A Practical Guide to Managing the Environmental and Social Impacts of Mountain Tours*. Paris: United Nations Environment Programme.
- Wan Suzita Wan Ibrahim, Habibah Ahmad & Hamzah Jusoh (2016). Tanah tinggi sebagai destinasi utama pelancongan wilayah: Potensi dan cabaran. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 12(14), 97-112.
- Wilson, P. (2001). Listing the Irish hills and mountains. *Irish Geography*, 34(1), 89-95.
- WTO (1981). *Guidelines for the Collection and Presentation of Domestic and International Tourism Statistics*. Madrid, Spain: Author
- WTO (2013). *UNWTO Tourism Highlights: 2013 Edition*. Madrid: UNWTO.
- Zbucea, A., & Radu, O. (2009). Mountain tourism in Romania and its attractiveness on students. *Journal of Tourism Challenges and Trends*, 2(1), 43-64.